



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/B/0050
Tarikh : 03 Mac 2017

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2017**

**DASAR BAHARU CUTI TANPA GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGIKUT
PASANGAN BERTUGAS ATAU BERKURSUS DI DALAM ATAU DI LUAR
NEGARA – PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2016**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pada Mesyuarat Lembaga Bil. 104/2017, telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2016 (PP Bil 5/2016) berkenaan dengan Dasar Baharu Cuti Tanpa Gaji (CTG) Bagi Pegawai Yang Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negara yang berkuatkuasa **01 Januari 2017**.

3. Sehubungan dengan itu, antara penambahbaikan Dasar Baharu CTG Bagi Pegawai Yang Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negara adalah seperti berikut:

- (i) Tempoh CTG bagi pegawai yang pasangannya pegawai agensi awam atau bukan pegawai agensi awam adalah mengikut tempoh pasangan bertugas/berkursus dan pegawai **tidak tertakluk kepada syarat kembali bertugas selama satu (1) tahun untuk permohonan CTG berikutnya.**
- (ii) Pegawai tidak perlu menghabiskan semua Cuti Rehat yang berkelayakan sebelum menggunakan kemudahan CTG mengikut pasangan. Walau bagaimanapun, baki cuti rehat yang tidak dihabiskan sebelum CTG akan luput tertakluk kepada peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.
- (ii) Kemudahan CTG mengikut pasangan di bawah pekeliling pekhidmatan ini tidak menjejaskan kelayakan pegawai menggunakan kemudahan CTG di bawah Perintah Am 14 dan Perintah Am 52 Bab (C) Tahun 1974, atau pindaannya dari semasa ke semasa.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2016 untuk panduan semua.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'



(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k.: YBhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (P&I)
Timbalan Ketua Pengarah (D&O)
Pengarah–Pengarah Bahagian